

UNDANG2 TUBOH
(THE CONSTITUTION)

PERTUBOHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(United Malays National Organization)



DI-PERSETUJU DAN DI-LULUSKAN
(PASSED BY)

OLEH

PERSIDANGAN PERHIMPONAN AGONG UMNO
(The General Assembly)

YANG KE-TIGA BELAS
(AT ITS THIRTEENTH MEETING)

PADA 16 DAN 17 APRIL, 1960.
(ON 16TH AND 17TH APRIL, 1960).

KANDONGAN

BAB YANG PERTAMA

Nama

| | | <i>Muka</i> |
|-------|---------------|-------------|
| Fasal | 1—Nama | 1 |

BAB YANG KE—DUA

Chogankata dan seruan

| | | |
|-------|---------------------|---|
| Fasal | 2—Chogankata | 1 |
| Fasal | 3—Seruan | 1 |

BAB YANG KE—TIGA

Asas² dan Tujuan²

| | | |
|-------|---|---|
| Fasal | 4—Asas ² dan Tujuan ² ... | 1 |
|-------|---|---|

BAB YANG KE—EMPAT

Ahli²

| | | |
|-------|--|---|
| Fasal | 5—Jenis ahli | 2 |
| Fasal | 6—Sharat ² menjadi ahli ... | 3 |
| Fasal | 7—Permintaan menajdi ahli ... | 4 |
| Fasal | 8—Penerimaan menjadi ahli ... | 5 |
| Fasal | 9—Hak ² ahli | 6 |
| Fasal | 10—Ahli meminta berhenti ... | 7 |

BAB YANG KE—LIMA

Susunan dan Pentadbiran UMNO

| | | |
|-------|----------------------------------|----|
| Fasal | 11—Pegawai ² UMNO ... | 7 |
| Fasal | 12—Pejabat Setia Usaha Agong | 9 |
| Fasal | 13—Majlis Kerja Tertinggi ... | 9 |
| Fasal | 14—Perhimponan Agong ... | 14 |

BAB YANG KE—ENAM

Susunan dan Pentadbiran Jawatankuasa Perhubungan

| | | |
|-------|--|----|
| Fasal | 15—Penubohan Jawatankuasa Perhubungan | 16 |
|-------|--|----|

| | | | | |
|--|-----|-----|-----|----|
| Fasal 16—Pejabat Jawatankuasa Perhubungan | ... | ... | ... | 19 |
|--|-----|-----|-----|----|

BAB YANG KE—TUJOH

Susunan dan Pentadbiran Bahagian

| | | |
|---------------------------------------|-----|----|
| Fasal 17—Penubohan Bahagian | ... | 19 |
| Fasal 18—Jawatankuasa Kerja | ... | 22 |
| Fasal 19—Pejabat Setia Usaha Bahagian | ... | 26 |

BAB YANG KE—DELAPAN

Susunan dan Pentadbiran Chawangan

| | | |
|---------------------------------------|-----|----|
| Fasal 20—Penubohan Chawangan | ... | 27 |
| Fasal 21—Jawatankuasa Kerja | ... | 28 |
| Fasal 22—Pejabat Setia Usaha Bahagian | ... | 31 |

BAB YANG KE—SEMBILAN

Chara Perwakilan

| | | |
|--|-----|----|
| Fasal 23—Mengangkat Wakil ² | ... | 32 |
|--|-----|----|

BAB YANG KE—SEPULOH

Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Kaum Ibu

| | | |
|------------------------------|-----|----|
| Fasal 24—Pergerakan Pemuda | ... | 33 |
| Fasal 25—Pergerakan Kaum Ibu | ... | 33 |

BAB YANG KE—SEBELAS

Sharat² Menjadi Chalon

| | | |
|-----------|-----|----|
| Fasal 26— | ... | 34 |
|-----------|-----|----|

BAB YANG KE—DUA BELAS

Pemechatan Ahli

| | | |
|-----------|-----|----|
| Fasal 27— | ... | 35 |
|-----------|-----|----|

BAB YANG KE—TIGA BELAS

Buku Daftar, Kad Pengenalan, Lenchana dan Bendera

| | | |
|------------------------------|-----|----|
| Fasal 28—Buku Daftar ahli | ... | 35 |
| Fasal 29—Kad Pengenalan UMNO | ... | 36 |

| | | |
|------------------------|--------|----|
| Fasal 30—Lenchana UMNO | ... | 36 |
| Fasal 31—Bendera UMNO | | 37 |

BAB YANG KE—EMPAT BELAS

Kewangan dan Harta Benda

| | | |
|---------------------------------------|--------|----|
| Fasal 32—Puncha Perolehan | ... | 37 |
| Fasal 33—Yuran UMNO | | 38 |
| Fasal 34—Chara menyimpan Wang UMNO | | 39 |
| Fasal 35—Badan Menjaga Harta Benda | | 39 |
| Fasal 36—Pemereksa Kira2 | ... | 41 |

BAB YANG KE—LIMA BELAS

Atoran Peratoran Meshuarat dan Undang2 Tuboh

| | | |
|---|--------|----|
| Fasal 37—Atoran Peratoran Meshuarat | | 42 |
| Fasal 38—Meminda Undang2 Tuboh | ... | 42 |
| Fasal 39—Kuasa sementara | | 43 |
| Fasal 40—Kuasa dengan chara Referendum | | 43 |
| Fasal 41—Kuasa muktamad | | 43 |

BAB YANG PERTAMA

NAMA

FASAL (1)

Bahawa adalah Pertubohan ini di-namakan "Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu" atau Inggeris-nya "United Malays National Organization", ringkas-nya "UMNO".

BAB YANG KE—DUA

CHOGAN KATA DAN SERUAN

FASAL (2)

Chogan kata UMNO ialah:-
"Bersatu—Bersetia—Berkhidmat".

FASAL (3)

Seruan UMNO ialah "MERDEKA".

BAB YANG KE—TIGA

ASAS2 DAN TUJUAN2

FASAL (4)

1. Memelihara dan mempertahankan Kemerdekaan dan Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.

2. Memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, terutama mengenai Ugama Islam, bahasa dan kebudayaan

Melayu, taraf dan kedaulatan Raja2 Melayu dan hak2 istimewa orang Melayu.

3. Berusaha dan berikhtiar supaya Ugama Islam berkembang maju dan menjadi pegangngan hidup orang2 Islam di-Tanah Melayu sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

4. Mengawal dan memelihara asas2 pemerentahan demokrasi ber-Parlimen.

5. Memelihara dan menggalakkan perasaan muhibah antara warga-negara Persekutuan yang berbagai2 keturunan bagi mengekalkan wujudnya satu bangsa yang kuat dan bersatu.

6. Menjalankan apa jua ikhtiar dan langkah bagi kemajuan dan kebajikan ahli2 dan raayat Melayu khas-nya dan raayat Persekutuan Tanah Melayu 'am-nya.

7. Menyokong dan mempertahankan Piagam Pertubohan Bangsa2 Bersatu.

BAB YANG KE—EMPAT

AHLI2

FASAL (5)—JENIS AHLI

1. Ahli2 UMNO adalah tiga jenis-nya : -
 - (a) Ahli2 biasa lelaki atau perempuan.
 - (b) Ahli2 bersekutu lelaki atau perempuan.
 - (c) Ahli2 bergabung.
2. Ahli2 biasa ialah : -
Sa-saorang Melayu atau sa-saorang dari-

pada kaum asli yang bertaraf raayat Raja atau warga-negara Persekutuan.

3. Ahli2 bersekutu ialah:-

Sa-saorang yang menjadi raayat Raja atau warga-negara Persekutuan.

4. Ahli2 bergabung ialah:-

Sa-sabuah Pertubohan Siasah yang mengaku dan sanggup menurut sharat2 menjadi ahli bergabung.

FASAL (6) SHARAT2 MENJADI AHLI

1. Sa-saorang ahli biasa atau ahli bersekutu hendaklah:-

(a) Berumur sekurang2-nya 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan.

(b) Mengaku serta sanggup menurut sharat2 menjadi ahli dan sanggup menerima dan menurut Undang2 Tuboh dan ranchangan2 serta asas2 dan dasar2 UMNO.

(c) Tidak menjadi ahli sebarang Pertubohan Siasah yang lain.

2. Sa-sabuah Pertubahan Bergabung, hendaklah:-

(a) Sanggup menerima ranchangan2 serta asas2 dan dasar2 UMNO.

(b) Sanggup menurut Undang2 Tuboh UMNO dan Peratoran dan Atoran Perhimpunan Agong.

(c) Menghantarkan Undang2 Tuboh-nya dan ranchangan2 siasah-nya bagi di-

persetujuan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

- (d) Menyempornakan bayaran yuran tahunan-nya sebanyak yang di-tentukan oleh Perhimpunan Agong dari satu masa ka-satu masa.

FASAL (7)—PERMINTAAN MENJADI AHLI

1. Sa-saorang yang berkahendak menjadi ahli biasa atau ahli bersekutu hendaklah menghantar permintaan-nya kepada Setia Usaha Chawangan di-mana ia berkahendak masok menjadi ahli dengan menggunakan Borang Permintaan yang tertentu.
2. Borang Permintaan menjadi ahli hendaklah di-tanda-tangani oleh yang meminta dan di-chadang serta di-sokong oleh dua orang ahli biasa.
3. Sa-sabuah Pertubohan yang berkahendak menjadi ahli Bergabong hendaklah menghantar permintaan-nya kepada Setia Usaha Agong dengan menggunakan Borang Permintaan yang tertentu.
4. Borang Permintaan menjadi ahli bergabong hendaklah di-tanda tangani oleh Yang Di-Pertua dan Setia Usaha Pertubohan yang hendak menjadi ahli itu.
5. Majlis Kerja Tertinggi berhak mengadakan peratoran dan/atau syarat2 yang tertentu dalam perkara pemintaan hendak menjadi ahli.

AHLI

1. Setia Usaha Chawangan hendaklah membawa segala permintaan daripada orang yang hendak menjadi ahli biasa atau ahli bersekutu itu kepada Meshuarat Jawatankuasa Kerja Chawangan-nya dengan seberapa segera atau pun dengan di-pekelilingkan kepada ahli2 Jawatankuasa Kerja Chawangan itu.
2. Jawatankuasa Kerja Chawangan hendaklah menimbangkan segala permintaan menjadi ahli biasa dan memutuskan dengan berundi sama-ada di-terima atau di-tolak, atau pun di-tanggohkan timbangan sesuatu permintaan itu dengan tidak terpaksa memberi apa2 sebab atas keputusan-nya itu.
3. Jawatankuasa Kerja Chawangan hendaklah menimbangkan segala permintaan menjadi ahli bersekutu dan kemudian menghantarkan permintaan itu bersama2 dengan shor-nya bagi di-timbangkan pula oleh Jawatankuasa Kerja Bahagian-nya yang akan menetapkan sama ada di-terima atau di-tolak permintaan itu dengan tidak terpaksa memberi apa2 sebab atas keputusan-nya itu.
4. Setia Usaha Agong hendaklah membawa segala permintaan daripada Pertubohan2 yang hendak menjadi ahli Bergabong kepada Meshuarat Majlis Kerja Tertinggi dengan seberapa segera-nya atau pun dengan di-pekelilingkan kepada ahli2 Majlis Kerja Tertinggi.

5. Majlis Kerja Tertinggi hendaklah menimbangkan segala permintaan2 itu dan memutuskan dengan berundi sama ada di-terima atau di-tolak, atau pun di-tanggohkan timbangan sesuatu permintaan itu dengan tidak terpaksa memberi apa2 sebab atas keputusan-nya itu.

6. Sa-saorang yang permintaan-nya hendak menjadi ahli biasa atau ahli bersekutu telah di-tolak oleh Jawatankuasa Kerja Chawangan atau Bahagian boleh-lah merayu kepada Majlis Kerja Tertinggi dan keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad.

7. Sa-saorang yang telah di-pechat atau menarek diri daripada menjadi ahli tidak boleh di-terima kembali menjadi ahli melainkan dalam Bab Yang Ke-Sebelas, Fasal-Dupuloh-Puloh-Enam; Undang2 Tuboh.

FASAL (9)—HAK2 AHLI

1. Sa-saorang ahli biasa atau ahli bersekutu atau ahli sebarang Pertubohan Bergabong boleh-lah menjadi Chalon UMNO dalam sebarang Pilihan Raya, mengikut syarat2 yang di-tentukan dalam Bab Yang Ke-Sebelas, Fasal Dua Puloh Enam Undang2 Tuboh.

2. Sa-saorang ahli bersekutu tiadalah berhak menjadi:-

- (i) Pegawai Majlis Kerja Tertinggi, Jawatankuasa Perhubungan, Jawatankuasa Kerja Bahagian atau Chawangan.
- (ii) Wakil dalam Persidangan Perhimpunan Agung, atau Meshuarat Perwakilan Bahagian.

FASAL (10)—AHLI MEMINTA BERHENTI

1. Sa-saorang ahli biasa atau ahli bersekutu boleh-lah meminta berhenti daripada menjadi ahli dengan menyatakan kahendak-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha Chawangan dan Setia Usaha Chawangan hendaklah memaalomkan hal itu kepada Jawatankuasa Kerja Chawangan-nya.

2. Sa-sabuah Pertubohan Bergabong bolehlah meminta berhenti daripada menjadi ahli dengan menyatakan kahendak-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha Agong dan Setia Usaha Agong hendaklah memaalomkan hal itu kepada Majlis Kerja Tertinggi.

BAB YANG KE—LIMA **SUSUNAN DAN PENTADBIRAN**

U.M.N.O.

FASAL (11)—PEGAWAI2 UMNO

1. Pegawai2 UMNO ialah:-

- (a) Yang Di-Pertua.
- (b) Timbalan Yang Di-Pertua.
- (c) Lima orang Naib Yang Di-Pertua, termasuk saorang Ketua Pergerakan Pemuda dan saorang Ketua Pergerakan Kaum Ibu.
- (d) Setia Usaha Agong.

(e) Bendahari.

(f) Ketua Penerangan.

2. Yang Di-Pertua, Timbalan Yang Di-Pertua dan Tiga orang daripada Naib2 Yang Di-Pertua hendaklah di-pilih Perhimpunan Agong dalam Persidangan Tahunan-nya pada tiap2 tahun daripada ahli2 biasa.

3. Setia Usaha Agong, Bendahari dan Ketua Penerangan hendaklah di-lantek oleh Yang Di-Pertua dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi dan akan memegang jawatan mereka sahingga mereka berhenti atau pun mereka di-berhentikan oleh Majlis Kerja Tertinggi kerana apa sebab sekali pun.

4. Sekira-nya saorang Pegawai UMNO selain daripada Setia Usaha Agong, Bendahari dan Ketua Penerangan tiada lagi memegang jawatan-nya sama ada dengan sebab kematian-nya atau pun dengan sebab ia meminta berhenti atau pun ia di-berhentikan maka Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa melantek ganti-nya sahingga Perhimpunan Agong Tahunan.

5. Sebarang Pegawai UMNO boleh minta berhenti daripada jawatan-nya dengan menyatakan sebab2-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha Agong dan keberhentikan-nya hendaklah di-maalomkan kepada Majlis Kerja Tertinggi dan jika sekira-nya keberhentikan-nya itu di-terima, Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa mengangkat ganti-nya.

FASAL (12)—PEJABAT SETIA USAHA AGONG

1. Ibu Pejabat UMNO ialah Pejabat Setia Usaha Agong-nya.
2. Pejabat Setia Usaha Agong adalah bertempat di-pusat Persekutuan Tanah Melayu atau di-mana2 tempat yang di-tentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
3. Setia Usaha Agong adalah menjadi Pegawai yang khas bagi mentadbirkan perjalanan Pejabat-nya.
4. Setia Usaha Agong ialah Pegawai Awam (Public Officer).
5. Yang Di-Pertua adalah bertanggung jawab atas kesempurnaan pekerjaan Pejabat Setia Usaha Agong.
6. Kakitangan Pejabat Setia Usaha Agong itu hendaklah di-lantek dengan persetujuan Yang Di-Pertua.

FASAL (13)—MAJLIS KERJA TERTINGGI

1. Majlis Kerja Tertinggi hendaklah mengandungi:-
 - (a) Yang Di-Pertua.
 - (b) Timbalan Yang Di-Pertua.
 - (c) Lima orang Naib Yang Di-Pertua, termasuk sa-orang Ketua Pergerakan Pemuda dan sa-orang Ketua Pergerakan Kaum Ibu.

- (d) Setia Usaha Agong.
- (e) Bendahari.
- (f) Ketua Penerangan.
- (g) Tidak lebeh daripada 15 orang yang di-pilih oleh Perhimpunan Agong Tahunan dan
- (h) Tidak lebeh daripada 5 orang yang di-lantek oleh Yang Di-Pertua sendiri.

2. Majlis Kerja Tertinggi adalah menjadi anggota yang menjalankan pentadbiran hal-hwal UMNO di-bawah kekuasaan dan perintah Perhimpunan Agong. Maka Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah yang biasa atau yang khas bagi pihak Perhimpunan Agong dalam masa di-antara dua Persidangan Perhimpunan Agong, tetapi segala langkah-nya itu hendaklah di-maalomkan kepada Perhimpunan Agong.

3. Jika Yang Di-Pertua berhenti daripada jawatan-nya maka Timbalan Yang Di-Pertua hendaklah memangku jawatan itu sahingga sa-orang Yang Di-Pertua baharu di-pilih oleh Perhimpunan Agong yang akan datang.

4. Jika 2/3 atau pun lebeh daripada ahli2 Majlis Kerja Tertinggi berhenti dengan serentak hendaklah Setia Usaha Agong memanggil Perhimpunan Agong Khas untok menubuhkan dan memilih ahli2 Majlis Kerja Tertinggi bagi menggantikan-nya. Sementara itu ahli2 Majlis Kerja Tertinggi yang berhenti itu hendaklah mengelola dan mentadbirkan Pertubohan UMNO hingga terbentok Majlis Kerja Tertinggi yang baharu.

5. Sebarang ahli Majlis Kerja Tertinggi bolehlah meminta berhenti daripada jawatan-nya dengan menyatakan sebab2-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha Agong dan keberhentiannya itu hendaklah di-maalomkan kepada Majlis Kerja Tertinggi bagi pengetahuan-nya dan jika sekira-nya keberhentiannya itu di-terima, Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa mengangkat ganti-nya.

6. Majlis Kerja Tertinggi hendaklah bersidang sekurang2-nya sekali dalam masa tiga bulan atau pun pada sebarang lain masa yang dikehendakki oleh Yang Di-Pertua atau pun dengan permintaan yang bersurat oleh 1/3 daripada ahli2 Majlis Kerja Tertinggi.

7. 10 orang ahli2 Majlis Kerja Tertinggi adalah menjadi chukop bilang bagi menjalankan meshuarat.

8. Di-dalam tiap2 meshuarat Majlis Kerja Tertinggi, jika Yang Di-Pertua dan Timbalannya tidak hadir maka ahli2 yang hadir berkuasa melantek salah sa-orang daripada ahli Majlis Kerja Tertinggi menjadi Pengerusi.

9. Tanggongan2, kuasa2 dan kewajipan2 Majlis Kerja Tertinggi ialah:-

- (a) Membentok asas2, dasar2 dan ranchangan2 siasah iktisad, pelajaran, kebudayaan kebajikan dan masharakat yang mengenai sasabuah negeri dan Persekutuan dan membentangkan-nya kepada Perhimpunan Agong.

- (b) Memilih dan menentukan calon2 bagi Pilihan Raya Negeri dan Persekutuan yang di-chadangkan oleh Persidangan Perwakilan Bahagian.
- (c) Mengawal, mengelola dan memutuskan sebarang perkara yang mengenai Pilihan Raya Negeri dan Persekutuan.
- (d) Menchari ikhtiar dan menjalankan langkah bersama2 dengan lain2 kumpulan atau pertubohan di-Persekutuan atau di-luar Persekutuan atau di-sasabuah negeri di-Persekutuan atas perkara2 yang berkenaan dengan hal2 siasah atau lain yang sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.
- (e) Memilih ahli2 bagi mewakili UMNO di-dalam sebarang kumpulan atau Jumaah atau Majlis Meshuarat dan sebagai-nya.
- (f) Mengi'tirafkan penubohan Bahagian2 dan mempersesuaikan pekerjaan2-nya menurut Undang2 Tuboh UMNO.
- (g) Memerhati dan mengawal perjalanan dan pentadbiran Bahagian2 dan Jawatankuasa2 Perhubungan bagi kesejahteraan dan kesempornaan-nya.
- (h) Menyelesaikan perselisihan2 yang berbangkit dalam kalangan UMNO atau Pertubohan2 Bergabong.

- (i) Memberhentikan sa-saorang ahli Majlis Kerja Tertinggi sekira-nya didapati tiada menyempurnakan kewajipan-nya.
- (j) Membentangkan kepada Perhimpunan Agung di-dalam Persidangan Tahunannya suatu Penyata yang membutirkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa sa-tahun yang lepas itu serta membentangkan kenyataan dan butir2 kira2 yang telah di-pereksa dan disahkan.
- (k) Menghantar kepada Jawatankuasa2 Perhubungan, Bahagian2, Chawangan2 dan Pertubohan2 Bergabong, satu Penyata Tahunan berserta dengan kenyataan dan butir2 kira2, sekurang2-nya 14 hari terlebih dahulu daripada hari di-adakan Persidangan Agung Tahunan.
- (l) Menjalankan kahendak Undang2 Tuboh dan Atoran Peratoran meshuarat serta Tata-Tertib (Discipline) UMNO dan menjalankan apa jua langkah yang menasabah bagi menghasilkan yang demikian sekali pun hingga terpaksa menggantung (suspend) atau memberhentikan sa-saorang atau sa-sabuah Pertubohan Bergabong daripada menjadi ahli UMNO lagi, atau terpaksa membubarkan Jawatankuasa Kerja Perhubungan atau Bahagian atau pun Chawangan.

- (m) Menjalankan sebarang pekerjaan atau apa jua langkah selain daripada perkara2 yang tersebut di-atas bagi kesempornaan perjalanan UMNO 'am-nya.

FASAL (14)—PERHIMPONAN AGONG

1. Perkerjaan UMNO adalah di-jalankan di-bawah kekuasaan dan perintah Perhimpunan Agong, tetapi Perhimpunan Agong itu sendiri adalah terletak di-bawa syarat2 yang terkandung di-dalam Undang2 Tuboh dan Atoran Peratoran Persidangan.
2. Perhimpunan Agong Tahunan hendaklah di-adakan sekali setahun di-dalam bulan APRIL dan dengan kahendak Yang Di-Pertua bolehlah di-dahulu atau di-tanggohkan kepada lain bulan.
3. Perhimpunan Agong Khas bolehlah di-ada-kan pada bila2 masa :-
 - (i) Dengan kahendak Yang Di-Pertua.
 - (ii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/3 daripada Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi.
 - (iii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/3 daripada bilangan wakil2 Perhimpunan Agong.

Permintaan dalam 3 (ii) dan (iii) di-atas, hendaklah di-sokong dengan alasan2 yang lengkap.

4. Perhimpunan Agong itu adalah mengandongi :-

- (a) Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi.
- (b) Wakil2 yang di-angkat oleh dan daripada Meshuarat Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak saorang wakil yang ahli-nya tidak kurang daripada 500 orang yang telah menjelaskan yuran-nya bagi tahun yang ada itu; dan tambahan saorang wakil lagi bagi tiap2 250 orang ahli yang telah menjelaskan yuran-nya bagi tahun yang ada itu.
- (c) Ketua bagi tiap2 Jawatankuasa Kerja Bahagian dan jika sekira-nya Ketua itu tidak dapat hadzir sendiri maka bolehlah ia berwakil dengan bersurat kepada salah sa-orang ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian itu.
- (d) Tidak lebeh daripada 3 orang wakil daripada Pertubohan Bergabong, yang telah menjelaskan yuran-nya bagi tahun yang ada itu.
- (e) Tiga orang wakil Pergerakan Pemuda yang di-pilih oleh Perhimpunan Agong Pergerakan Pemuda UMNO Malaya.
- (f) Tiga orang wakil Pergerakan Kaum Ibu yang di-pilih oleh Perhimpunan Agong Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya.

5. Ahli2 biasa yang menjadi ahli Perlimen dan Ketua2 Jawatankuasa Perhubungan bolehlah menghadiri Perhimpunan Agong tetapi tiada berhak mengundi.

6. Jika sekira-nya sa-orang wakil itu telah di-pilih menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi, maka pehak yang di-wakili-nya itu bolehlah meminta supaya di-gantikan dengan saorang

wakil yang lain selagi wakil yang mula2 itu menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi, dan permintaan hendak menggantikan wakil-nya itu hendaklah di-datangkan-nya di-dalam masa Persidangan Perhimpunan Agong.

7. Perhimpunan Agong adalah berkuasa memberhentikan saorang Pegawai UMNO atau Ahli Majlis Kerja Tertinggi, dengan persetujuan sekurang2-nya $\frac{2}{3}$ daripada bilangan wakil2 yang hadir di-dalam Perhimpunan Agong itu.

8. Sebarang Persidangan Perhimpunan Agong Khas hendaklah mengandongi perwakilan dengan sama chara-nya bagaimana Persidangan Perhimpunan Agong juga.

BAB YANG KE—ENAM

SUSUNAN DAN PENTADBIRAN

JAWATANKUASA

PERHUBONGAN

FASAL (15)

1. Jawatankuasa Perhubungan Negeri hendaklah di-tubuhkan di-tiap2 Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan mempunyai kuasa2 yang tertentu untuk mentadbirkan Bahagian2 yang ada dalam sa-sabuah Negeri itu.
2. Jawatankuasa Perhubungan Negeri hendaklah di-i'tiraf dan di-resmikan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

3. Jawatankuasa Perhubungan hendaklah terdiri daripada :-

- (a) Ketua.
- (b) Setia Usaha.
- (c) Bendahari.
- (d) Ketua daripada Bahagian2, atau wakil-nya, yang ada dalam negeri itu.

4. Ketua Jawatankuasa Perhubungan Negeri hendaklah di-lantek oleh Yang Di-Pertua setelah berunding dengan Ketua2 Bahagian di-dalam negeri itu.

5. Setia Usaha dan Bendahari hendaklah di-lantek oleh Ketua Jawatankuasa Perhubungan dengan persetujuan Jawatankuasa Perhubungan.

6. Jawatankuasa Perhubungan hendaklah bersidang sekurang2-nya sekali dalam masa dua bulan atau pada bila2 masa yang di-kahendakki oleh Ketua Jawatankuasa Perhubungan atau pun Yang Di-Pertua atau pun dengan perminta'an yang bersurat daripada 1/3 daripada bilangan ahli2-nya.

7. 1/2 daripada bilangan ahli2 Jawatankuasa Perhubungan adalah menjadi chukop bilang bagi menjalankan Meshuarat.

8. Dalam tiap2 Meshuarat Jawatankuasa Perhubungan jika Ketua tiada hadzir, maka ahli2 Meshuarat hendaklah melantek salah saorang ahli Jawatankuasa menjadi Pengerusi.

9. Tanggongan2, Kuasa2 dan Kewajipan2 Jawatankuasa Perhubungan, ialah :-

- (a) Mengator dan mempersesuaikan perjalanan Bahagian2 dan Chawangan2 dalam sa-sabuah Negeri.
- (b) Menjadi badan perantaraan di-antara Majlis Kerja Tertinggi dengan Bahagian2 dalam sa-sabuah Negeri dalam perkara2 yang di-tugaskan oleh Majlis Kerja Tertinggi kepada-nya.
- (c) Berkerjasama dengan Bahagian pada menguruskan soal chalon2 Negeri dan Federal yang akan di-chadangkan oleh Persidangan Perwakilan Bahagian kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- (d) Menyelesaikan sebarang masalaah yang bersangkutan dengan soal Pilehan Raya, Majlis Bandar Raya, Majlis Perbandaran (Municipal), Majlis Bandaran, Majlis Tempatan dan Majlis Luar Bandar.
- (e) Menchari ikhtiar dan menjalankan langkah dengan lain2 kumpolan atau pertubohan di-negeri itu atas perkara2 yang berkenaan dengan hal2 siasah atau lain2 yang sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.
- (f) Memilih ahli2 bagi mewakili UMNO di-dalam sebarang kumpolan atau lembaga di-peringkat negeri.
- (g) Menyelesaikan sebarang masalaah yang berbangkit dalam kalangan UMNO di-sa-sabuah Bahagian atau Chawangan.
- (h) Menchadangkan pemechatan atau penggantongan (Suspension) sa-orang ahli dan pembubaran Bahagian kepada Majlis Kerja Tertinggi.

FASAL (16)

1. Pejabat Jawatankusan Perhubungan ialah Pejabat Setia Usaha-nya.
2. Pejabat Setia Usaha Jawatankuasa Perhubungan itu hendaklah di-tempatkan di-pusat pentadbiran Negeri itu atau di-mana2 yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perhubungan Negeri.
3. Setia Usaha Jawatankuasa Perhubungan adalah Pegawai Khas bagi mentadbirkan perjalanan pejabat-nya itu.
4. Ketua Jawatankuasa Perhubungan adalah bertanggung jawab di-atas kesempurnaan perjalanan Pejabat Setia Usaha Perhubungan itu.
5. Kakitangan Pejabat Setia Usaha Jawatankuasa Perhubungan hendaklah di-lantek dengan persetujuan Ketua Jawatankuasa Perhubungan.

BAB YANG KE—TUJUH **SUSUNAN DAN PENTADBIRAN** **BAHAGIAN.**

FASAL (17)—PENUBOHAN BAHAGIAN

1. Bahagian2 hendaklah di-tubuhkan di-tiap2 kawasan Pilehan Raya Federal; tetapi bolehlah Majlis Kerja Tertinggi mengechualikan syarat ini jika di-fikirkan mustahak.
2. Sasabuah Bahagian hendaklah mempunyai sekurang2-nya 500 orang ahli yang telah

menjelaskan yuran-nya dan hendaklah dipersetujui dan di-i'tirafkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dengan chadangan daripada Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

3. Pekerjaan sa-sabuah Bahagian adalah dijalankan di-bawah kekuasaan dan perintah Meshuarat Perwakilan, tetapi Meshuarat Perwakilan itu sendiri adalah tertaalok di-bawah Undang2 Tuboh dan juga Atoran dan Peratoran Meshuarat.

4. Meshuarat Perwakilan hendaklah di-adakan sekali setahun di-dalam bulan FEBRUARY dan dengan kahendak Ketua bolehlah di-dahulu atau di-tanggohkan kepada lain bulan.

5. Meshuarat Perwakilan Khas bolehlah di-adakan pada bila2 masa:-

- (i) Dengan kahendak Ketua Bahagian.
- (ii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/3 daripada ahli2 Jawatankuasa Kerja Bahagian.
- (iii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/2 daripada bilangan wakil2 Meshuarat Perwakilan.

Permintaan dalam 3 (ii) dan (iii) di-atas, hendaklah di-sokong dengan alasan2 yang lengkap.

6. Meshuarat Perwakilan Bahagian adalah mengandongi:-

- (a) Ahli2 Jawatankuasa Kerja Bahagian.
- (b) Ketua bagi tiap2 sabuah Chawangan dan sekiranya Ketua itu tiada dapat

hadzir maka bolehlah ia mewakilkan saorang ahli Jawatankuasa Kerja Chawangan.

- (c) Tiga orang wakil Pergerakan Pemuda yang dipileh oleh Meshuarat Perwakilan Bahagian-nya.
- (d) Tiga orang wakil Pergerakan Kaum Ibu yang dipileh oleh Meshuarat Perwakilan Bahagian-nya.
- (e) Wakil2 yang di-angkat oleh tiap2 Chawangan di-dalam Meshuarat Agong-nya sebanyak saorang wakil bagi tiap2 50 orang atau pechahan daripada bilangan 50 orang ahli yang telah menjelaskan yuran-nya bagi tahun yang ada itu.

7. Ahli2 biasa yang menjadi ahli2 Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Majlis2 Meshuarat Bandar Raya, Perbandaran (Municipal), Majlis Bandaran, Majlis Tempatan atau Majlis Luar Bandar di-mana2 Bahagian itu ada, boleh menghadziri Meshuarat Perwakilan, tetapi tiada berhak mengundi.

8. Jika sekira-nya sa-saorang wakil itu telah di-angkat menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian maka pehak yang di-wakil-nya itu bolehlah meminta supaya di-gantikan dengan saorang wakil yang lain.

9. Meshuarat Perwakilan Bahagian adalah berkuasa memberhentikan sebarang Ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian daripada jawatan-nya dengan persetujuan sekurang2-nya $\frac{2}{3}$ daripada bilangan wakil2 yang hadzir di-dalam Meshuarat Perwakilan itu

10. Sebarang Meshuarat Perwakilan Khas hendaklah mengandongi perwakilan yang sama chara-nya bagaimana Meshuarat Tahunan Perwakilan Bahagian.

FASAL (18)—JAWATANKUASA KERJA

1. Ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian ialah :-

- (a) Ketua.
- (b) Timbalan Ketua.
- (c) Empat orang Naib Ketua, saorang daripada-nya dari Pergerakan Pemuda dan saorang dari Pergerakan Kaum Ibu.
- (d) Setia Usaha.
- (e) Bendahari.
- (f) Ketua Penerangan.
- (g) Tidak lebeh dari sepuluh orang yang di-pilih oleh Meshuarat Perwakilan, dan
- (h) Tidak lebeh daripada lima orang yang di-lantek oleh Ketua sendiri dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Bahagian itu.

2. Ketua, Timbalan Ketua, Naib² Ketua dan Ahli² Jawatankuasa Kerja Bahagian bagaimana dalam (1) di-atas kechuali (d) (e) (f) dan (h), hendaklah di-pilih oleh Meshuarat Perwakilan Bahagian dalam Meshuarat Tahunan-nya daripada ahli² biasa.

3. Setia Usaha, Bendahari dan Ketua Penerangan hendaklah di-lantek oleh Ketua Bahagian sendiri setelah berunding dengan

Jawatankuasa Kerja Bahagian.

4. Sekiranya seorang Ahli Jawatankuasa Kerja tiada lagi memegang jawatan-nya sama ada dengan sebab kematian-nya atau pun dengan sebab ia meminta berhenti atau pun ia di-berhentikan maka Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa melantek ganti-nya sahingga Meshuarat Perwakilan.

5. Sebarang Ahli Jawatankuasa Kerja bolehlah meminta berhenti daripada jawatan-nya dengan menyatakan sebab2-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha dan keberhentian-nya hendaklah di-maalomkan kepada Jawatankuasa Kerja dan jika sekiranya keberhentian-nya itu di-terima, Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa mengangkat ganti-nya.

6. Jawatankuasa Kerja adalah menjadi anggota yang menjalankan pentadbiran hal ehwal Bahagian di-bawah kekuasaan dan perintah Meshuarat Perwakilan. Maka Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Meshuarat Perwakilan dalam masa di-antara dua Meshuarat Perwakilan, tetapi segala langkah2-nya itu hendaklah di-maalomkan kepada Meshuarat Perwakilan.

7. Jawatankuasa Kerja Bahagian hendaklah bersidang sekurang2-nya sebulan sekali atau pada sebarang lain masa yang di-kahendaki oleh Ketua atau pun dengan permintaan yang ber-surat oleh $1/3$ daripada ahli2 Jawatankuasa Kerja.

8. 1/3 daripada Ahli2 Jawatankuasa Kerja adalah menjadi chukop bilang bagi menjalankan Meshuarat.

9. Di-dalam tiap2 Meshuarat Jawatankuasa Kerja, jika Ketua dan Timbalan-nya tiada hadir, maka ahli2 yang hadir hendaklah melantek salah saorang Ahli Jawatankuasa Kerja menjadi Pengerusi.

10. Tanggongan2, Kuasa2 dan Kewajipan2 Jawatankuasa Kerja ialah:-

- (a) Menyediakan dasar2 Menifesto Pilehan Raya Bandar Raya, Perbandaran (Municipal), Majlis Bandaran, Majlis Tempatan atau Majlis Luar Bandar serta membentok dasar2 pentadbiran lembaga2 tempatan itu.
- (b) Memilih dan menentukan chalon2 bagi Pilehan Raya Bandar Raya, Perbandaran (Municipal), Majlis Tempatan atau Majlis Luar Bandar di-mana Bahagian itu ada yang di-chadangkan oleh Meshuarat Agung Chawangan2 yang berkenaan.
- (c) Menetapkan saorang chalon yang tertentu bagi sesuatu kawasan Pilehan Raya Bandar Raya, Perbandaran (Municipal), Majlis Tempatan dan Majlis Luar Bandar.
- (d) Mengawal mengelola dan memutuskan sebarang perkara yang mengenai soal Pilehan Raya Majlis Bandar Raya,

- Perbandaran (Municipal), Majlis Tempatan atau Majlis Luar Bandar.
- (e) Menchari ikhtiar dan menjalankan langkah dengan lain2 kumpolan atau Pertubohan di-mana Bahagian itu ada atas perkara2 yang berkenaan dengan hal2 siasah atau lain2 yang sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.
 - (f) MENCHADANGKAN pemechatan atau penggantongan (suspension) saorang ahli dan pembubaran Chawangan kepada Majlis Kerja Tertinggi.
 - (g) Memilih ahli2 bagi mewakili UMNO dalam sebarang kumpolan atau jumaah atau Majlis Meshuarat di-mana Bahagian itu ada.
 - (h) Menuboh dan menjalankan Chawangan UMNO dalam Bahagian-nya serta menyatukan pekerjaan2-nya menurut Undang2 Tuboh UMNO.
 - (i) Mengi'tirafkan penubohan Chawangan2 UMNO dalam kawasan Bahagian itu dan mempersesuaikan pekerjaan-nya menurut Undang2 Tuboh UMNO.
 - (j) Menyelesaikan perselisihan2 yang berbangkit dalam kalangan UMNC di-sabua Chawangan.
 - (k) Memberhentikan sa-saorang Ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian daripada jawatan-nya yang di-dapati tiada menyempurnakan kewajipan-nya.

- (l) Membentangkan kepada Meshuarat Perwakilan Bahagian dalam Meshuarat tahun-nya satu penyata yang membutirkan perkerjaan dan kemajuan Bahagian itu dalam masa setahun yang lepas itu serta membentangkan kenyataan dan butir2 kira2 yang telah di-pereksa dan di-sahkan.
- (m) Menghantarkan kepada segala Chawangan2-nya penyata tahunan-nya itu berserta dengan kenyataan dan butir2 kira2 sekurang-nya 14 hari terlebih dahulu daripada hari di-adakan Meshuarat tahunan Perwakilan Bahagian.
- (n) Menjalankan kahendak Undang2 Tuboh dan Atoran Peratoran serta Tata-Tertib (discipline) UMNO dan menjalankan apa2 jua langkah yang menasabah bagi menghasilkan demikian.

FASAL (19) PEJABAT SETIA USAHA

BAHAGIAN

1. Pejabat sa-sabuah Bahagian ialah Pejabat Setia Usaha-nya.
2. Pejabat Setia Usaha itu bolehlah di-tempatkan di-mana2 juga dalam kawasan Bahagian itu yang di-persetujukan oleh Meshuarat Perwakilan.
3. Setia Usaha ada lah menjadi Pegawai yang khas bagi mentadbirkan perjalanan pejabat itu.

4. Ketua adalah bertanggung jawab atas kesempornaan pekerjaan Pejabat Setia Usaha Bahagian.

5. Kakitangan Pejabat Setia Usaha hendaklah di-lantek dengan persetujuan Ketua.

BAB YANG KE—DELAPAN

SUSUNAN DAN PENTADBIRAN

CHAWANGAN

FASAL (20)—PENUBOHAN CHAWANGAN

1. Chawangan² hendaklah di-tubuhkan di-tiap² kawansan mengundi Pilehan Raya Negeri atau pun di-mana² tempat yang di-persetujukan oleh Jawatankuasa Kerja Bahagian.

2. Sa-sabuah Chawangan hendaklah di-per-setuju'i dan di-i'tirafkan oleh Jawatankuasa Kerja Bahagian.

3. Sa-sabuah Chawangan bolehlah di-tubuhkan dengan mengandongi ahli² biasa dan ahli² bersekutu.

4. Pekerjaan sa-sabuah Chawangan adalah di-jalankan di-bawah kekuasaan dan perintah Meshuarat Agong, tetapi Meshuarat Agong itu sendiri adalah tertaalok di-bawah Undang² Tuboh dan juga Atoran Peratoran Meshuarat.

5. Meshuarat Agong Tahunan hendaklah di-adakan sekali setahun di-dalam bulan JANUARY dan dengan kahendak Ketua boleh-

lah di-dahulu atau di-tanggohkan kepada lain bulan.

6. Meshuarat Agong Khas bolehlah di-adakan pada bila2 masa :-

- (i) Dengan kahendak Ketua Chawangan.
- (ii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/3 daripada Ahli2 Jawatankuasa Kerja Chawangan.
- (iii) Dengan permintaan yang bersurat daripada sekurang2-nya 1/3 daripada bilangan ahli2-nya.

Permintaan dalam 3 (ii) dan (iii) di-atas, hendaklah di-sokong dengan alasan2 yang lengkap.

FASAL (21)—JAWATANKUASA KERJA

1. Ahli2 Jawatankuasa Kerja Chawangan ialah :-

- (a) Ketua
- (b) Naib Ketua
- (c) Setia Usaha
- (d) Bendahari
- (e) Ketua Penerangan, dan
- (f) Tidak lebeh dari sepuluh orang yang di-pilih oleh Meshuarat Agong Tahunan, dan
- (g) Tidak lebeh dari lima orang yang di-lantek oleh Ketua Chawangan sendiri dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja.

2. Ketua, Naib Ketua, Setia Usaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Ahli2 Jawatankuasa

Kerja Chawangan bagaimana dalam (1) di-atas, kechuali (g), hendaklah di-pilih dalam Meshuarat Agong Tahunan daripada ahli2 biasa.

3. Sekira-nya saorang ahli Jawatankuasa Kerja tiada lagi memegang jawatan-nya sama ada dengan kematian-nya atau dengan sebab ia meminta berhenti atau pun ia di-berhentikan maka Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa melantek ganti-nya sahingga Meshuarat Agong.

4. Sebarang Ahli Jawatankuasa Kerja bolehlah meminta berhenti daripada jawatan-nya dengan menyatakan sebab2-nya dengan bersurat kepada Setia Usaha dan keberhentian-nya itu hendaklah di-maalomkan kepada Jawatankuasa Kerja dan jika sekira-nya keberhentian-nya itu di-terima, Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa mengangkat ganti-nya.

5. Jawatankuasa Kerja adalah menjadi anggota yang menjalankan pentadbiran hal-ehwal Chawangan di-bawah kekuasaan dan perintah Meshuarat Agong. Maka Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Meshuarat Agong dalam masa diantara dua Meshuarat Agong, tetapi segala langkah2-nya itu hendaklah di-maalomkan kepada Meshuarat Agong.

6. Jawatankuasa Kerja hendaklah bersidang sekurang2-nya sebulan sekali atau pun pada sebarang lain masa yang di-kahendakki oleh Ketua atau pun dengan permintaan bersurat daripada 1/3 daripada Ahli2 Jawatankuasa Kerja.

7. 1/3 daripada Ahli2 Jawatankuasa Kerja adalah menjadi chukop bilangan bagi menjalankan Meshuarat.

8. Di-dalam tiap2 Meshuarat Jawatankuasa Kerja jika Ketua dan Naib-nya tiada hadzir, maka ahli2 yang hadzir hendaklah melantek salah saorang daripada Ahli2 Jawatankuasa Kerja menjadi Pengerusi.

9. Tanggongan2, Kuasa2, dan Kewajipan2 Jawatankuasa Kerja Chawangan ialah:-

- (a) MENCHADANGKAN nama2 calon yang akan bertanding dalam Pilehan2 Raya Majlis Bandaran, Tempatan, Bandar Raya, Perbandaran (Municipal), Luar Bandar, Negeri dan Persekutuan.
- (b) MENCHARI ikhtiar dan menjalankan langkah dengan lain2 kumpolan atau pertubohan di-mana Chawangan itu ada di-atas perkara2 yang berkenaan dengan hal2 siasah atau lain2 yang sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.
- (c) MEMBERHENTIKAN sa-saorang Ahli Jawatankuasa Kerja daripada menjadi ahli Jawatankuasa sekira-nya ia didapati tiada menyempurnakan kewajipan-nya.
- (d) MEMBENTANGKAN kepada Meshuarat Agong dalam Meshuarat Tahunannya penyata yang membutirkan perkerjaan2 dan kemajuan Chawangan itu dalam masa setahun yang lepas serta membentangkan kenyataan dan butir2

kira2 yang telah di-pereksa dan di-sahkan.

- (e) Menghantarkan kepada tiap2 sa-orang ahli-nya penyata tahunan-nya itu beserta dengan kenyataan dan butir kira2 sekurang2-nya 14 hari terlebih dahulu daripada hari di-adakan Meshuarat Agong.
- (f) Menchadangkan kepada Meshuarat Agong apa2 pindaan Undang2 Tuboh atau Atoran Peratoran Meshuarat atau membawakan kepada Meshuarat Agong itu, sebarang Chadangan yang berkaitan dengan dasar atau ranchangan kerja yang hendak di-laksanakan oleh Chawangan, mengikut keadaan masa dan perubahan2 siasah.
- (g) Menchadangkan pemechatan atau penggantongan (suspention) saorang ahli dan pembubaran Chawangan kepada Majlis Kerja Tertinggi.
- (h) Menjalankan kahendak Undang2 Tuboh, Atoran dan Peratoran Meshuarat serta Tata-Tertib (Discipline) UMNO dan menjalankan apa2 jua langkah yang munasabah bagi menghasilkan yang demikian.

FASAL (22)—PEJABAT SETIA USAHA

CHAWANGAN

1. Pejabat sa-sabuah Chawangan itu ialah Pejabat Setia Usaha-nya.
2. Pejabat Setia Usaha boleh di-tempatkan di mana2 jua dalam kawasan Chawangan itu, yang

di-*ptr*setujukan oleh Meshuarat Agong.

3. Setia Usaha adalah menjadi Pegawai yang khas bagi mentadbirkan perjalanan Pejabat-nya itu.

4. Ketua adalah bertanggung jawab atas kesempornaan pekerjaan Pejabat Setia Usaha Chawangan itu.

5. Kakitangan Pejabat Setia Usaha hendaklah di-lantek dengan persetujuan Ketua.

BAB YANG KE—SEMBILAN

CHARA PERWAKILAN

FASAL (23)—MENGANGKAT WAKIL2

1. Tiap2 sa-saorang wakil yang di-angkat kepada Perhimpunan Agong UMNO atau Meshuarat Perwakilan Bahagian hendaklah berumur tiada kurang daripada 19 tahun dan hendaklah menjadi ahli biasa UMNO.

2. Tiap2 saorang wakil yang di-angkat oleh Pertubohan Bergabong itu hendaklah sebenarnya menjadi ahli atau Pegawai dalam Pertubohan itu.

3. Sa-saorang wakil kepada semua peringkat persidangan Perwakilan tiadalah boleh mewakili lebeh dari satu pihak sahaja.

BAB YANG KE—SEPULOH

PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN KAUM IBU

FASAL (24)—PERGERAKAN PEMUDA

1. Hendaklah di-adakan Pergerakan Pemuda dalam semua peringkat UMNO, dengan tujuan2-nya seperti di-bawah ini:-

- (a) Menggalakkan ahli2-nya dalam lapangan Siasah, Iktisad, Kebudayaan, Kesenian, Sukan, Pelajaran dan Ugama.
- (d) Menggalakkan ahli2-nya bagi mengambil bahagian2 yang giat dalam kemajuan masharakat.
- (c) Bekerjasama dengan badan2 Pemuda yang di-akui.

2. Bagi menchapai maksud2 dalam 1 (a) (b) dan (c) di-atas, maka Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peratoran2 dari satu masa ka-satu masa sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.

FASAL (25)—PERGERAKAN KAUM IBU

1. Hendaklah di-adakan Pergerakan Kaum Ibu dalam semua peringkat UMNO, dengan tujuan2-nya seperti di-bawah ini:-

- (a) Menggalakkan ahli2-nya dalam lapangan Siasah, Pelajaran khas-nya pelajaran Rumah-Tangga (Domestic Science), Kebudayaan, Kesenian,

Sokan, Masharakat dan Ugama.

- (b) Menggalakkan ahli2-nya bagi mengambil bahagian2 yang giat dalam kemajuan masharakat.
- (c) Bekerjasama dengan badan2 Pemuda yang di-akui.

2. Bagi menchapai maksud dalam 1 (a) (b) dan (c) di-atas, maka Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peratoran2 dari satu masa ka-satu masa sesuai dengan Undang2 Tuboh UMNO.

BAB YANG KE—SEBELAS

SHARAT2 MENJADI CHALON

FASAL (26)

1. Sa-saorang ahli itu bolehlah menjadi chalon kechuali:-

- (a) Sa-saorang yang belom sampai dua tahun menjadi ahli melainkan ada sesuatu sebab yang khas.
- (b) Sa-saorang yang masok kembali menjadi ahli setelah keluar di-dalam tempoh yang di-tetapkan dari semasa-kesemasa oleh peratoran2 yang di-tentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.
- (c) Sa-saorang yang tidak layak mengikut syarat2 yang tertentu dalam Undang2 Pilehan Raya dan Perlembagaan.

BAB YANG KE—DUA BELAS **PEMECHATAN AHLI**

FASAL (27)

1. Hendaklah di-adakan beberapa buah Lembaga Pemechantan Kawasan (Regional) bagi menimbangkan chadangan² menggantung (suspend) atau memechat saorang ahli.
2. Sa-sabuah Lembaga Pemechatan Kawasan (Regional) hendaklah mengandongi seramai lima orang ahli yang di-lantek oleh Majlis Kerja Tertinggi.
3. Saorang ahli atau pehak yang berkenaan yang tidak puas hati dengan keputusan sa-sabuah Lembaga Pemechatan itu bolehlah merayu kepada Majlis Kerja Tertinggi. Maka keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad.

BAB YANG KE—TIGA BELAS

BUKU DAFTAR, KAD

PENGENALAN, LENCHANA

DAN BENDERA

FASAL (28)—BUKU DAFTAR AHLI

1. Tiap² sa-buah Pejabat Setia Usaha Chawangan hendaklah menyimpan sabuah Buku Daftar kerana ahli² biasa dan sabuah lagi kerana ahli² bersekutu.

2. Pejabat Setia Usaha Agong hendaklah menyimpan sa-buah Buku Daftar ahli2 Bergabung.

3. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peratoran yang berkenaan dengan Buku Daftar itu.

FASAL (29)—KAD PENGENALAN UMNO

1. Tiap2 sa-orang ahli hendaklah mempunyai sekeping Kad Pengenalan ahli.

2. Kad2 Pengenalan ahli itu hanya-lah di-keluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Agong.

3. Sa-saorang ahli itu tiada-lah di-i'tirafkan menjadi ahli jika sekira-nya ia tiada mempunyai sekeping Kad Pengenalan itu.

4. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peratoran berkenaan dengan apa jua perkara yang berkaitan dengan Kad2 Pengenalan ahli itu.

FASAL (30)—LANCHANA UMNO

1. Tiap2 sa-orang ahli hendaklah mempunyai sabutir Lenchana UMNO.

2. Lenchana itu hanya-lah di-keluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Agong kepada Bahagian2 untok di-bahagikan kepada Chawangan2.

3. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peratoran yang berkenaan dengan Lenchana itu.

FASAL (31) BENDERA UMNO

1. Rupa Bendera UMNO adalah bagaimana di-bawah ini:-

Warna Merah terletak di-atas warna Putih sama lebar-nya dan suatu bulatan berwarna Kuning terletak di-tengah2 Bendera itu dan di-tengah2 bulatan itu terletak rupa sebilah Kris Melayu terhunus berwarna Hijau dengan Ulu-nya menghala kepenjuru di-sebelah atas kiri Bendera itu.

2. Majlis Kerja Tertinggi adalah berkuasa membuat sebarang peratoran berkenaan dengan Bendera itu.

BAB YANG KE—EMPAT BELAS KEWANGAN DAN HARTA BENDA

FASAL (32)—PUNCHA PEROLEHAN

1. Kewangan UMNO adalah di-perolehi dari:-

- (a) Yuran
- (b) Derma2, dan
- (c) Ikhtiar2 lain yang di-persetujukan oleh mana2 Jawatankuasa2 Kerja yang berkenaan.

2. Tahun kewangan UMNO ialah dari 1 January hingga 31 December.

3. Pejabat Setia Usaha Chawangan, Bahagian dan Perhubungan hendaklah menghantarkan ka-Pejabat Setia Usaha Agong Penyata dan Ikatan Kira2 bagi sa-suatu tahun kewangan yang telah di-pereksa dan di-sahkan.

FASAL (33)—YURAN UMNO

1. *Tiap2 saorang ahli hendaklah membayar kepada Pejabat Setia Usaha Agong melalui Chawangan-nya dan menerusi Bahagian, suatu bayaran yuran pada tiap2 tahun sebanyak yang di-tetapkan oleh Perhimpunan Agong dari satu masa ka-satu masa.*
2. *Sa-saorang ahli mana2 Dewan atau Majlis di-sebarang peringkat atau sa-saorang ahli memegang jawatan yang di-tentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi hendaklah membayar satu bayaran bulanan. Jika sekira-nya sa-saorang yang di-tentukan itu di-dapat engkar, maka Majlis Kerja Tertinggi berkuasa-lah menjalankan tindakan walau pun sahingga terpaksa memecat-nya daripada menjadi ahli.*
3. *Yuran yang di-tetapkan menurut (1) di-atas dalam fasal ini bolehlah di-bahagi dan di-untokkan sebanyak yang di-persetujukan oleh Perhimpunan Agong bagi penggunaan Jawatan-kuasa Perhubungan, Bahagian dan Chawangan.*
4. *Tiap2 Pertubohan Bergabong hendaklah membayar kepada Pejabat Setia Usaha Agong suatu bayaran yuran pada tiap2 tahun sebanyak yang di-tetapkan oleh Perhimpunan Agong dari satu ka-satu masa.*
5. *Jika sa-saorang atau sa-sabuah Pertubohan Bergabong tiada, menjelaskan yuran tahun-nya dengan tiada sebab yang menasabah, maka tidaklah ia di-i'tirafkan menjadi ahli.*
6. *Tahun yuran yang di-maksudkan dalam (6) di-atas fasal ini ada-lah di-kira mengikut tahun kewangan.*

FASAL (34)—CHARA MENYIMPAN WANG

UMNO

1. Wang UMNO kechuali wang tunai dalam tangan (Petty Cash) hendaklah di-simpan dalam Bank, atau simpanan di-Pejabat Pos.
2. Chek2 atau borang2 mengeluarkan wang di-Pejabat Pos hendak-lah di-tanda tangani oleh sekurang2-nya dua orang ahli Majlis Kerja Tertinggi, atau ahli Jawatankuasa Perhubungan atau Bahagian, atau Chawangan yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi, atau Jawatankuasa2 di-peringkat yang berkenaan.
3. Bahagian adalah berhak di-atas semua wang tunai di-tangan atau pun wang simpanan dalam Bank atau simpanan di-Pejabat Pos sa-sabuah Chawangan yang telah di-bubarkan.
4. Jawatankuasa Perhubungan adalah berhak di-atas semua wang tunai di-tangan atau pun wang simpanan dalam Bank atau di-Pejabat Pos bagi sa-sabuah Bahagian yang telah di-buborkan.
5. Majlis Kerja Tertinggi berhak dan berkuasa atau semua wang2 Jawatankuasa Perhubungan yang telah di-bubarkan.
6. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peratoran yang berkenaan dengan wang itu.

FASAL (35)—BADAN MENJAGA HARTA

BENDA

1. Pejabat Setia Usaha Agong, Jawatankuasa2

Perhubungan Negeri, Bahagian dan Chawangan bolehlah memilik tanah, bangunan dan lain2 harta benda serta bolehlah membeli, men-chagarkan dan memindah milek dengan apa jalan yang sah. Semua tanah, bangunan dan lain2 harta benda, melainkan wang dalam Bank, simpanan di-Pejabat Pos hendaklah di-amanahkan kepada tidak kurang daripada 3 orang ahli.

2. Pemegang2 amnah hendaklah daripada ahli2 biasa dan hendaklah di-pilih oleh Perhimpunan Agong. atau Meshuarat Jawatankuasa Perhubungan atau Meshuarat Perwakilan Bahagian, atau Meshuarat Agong Chawangan.

3. Pemegang2 amanah itu akan memegang jawatan-nya sahingga meminta berhenti dan permintaan-nya di-luluskan, atau pun di-berhentikan oleh Majlis Kerja Tertinggi, atau Jawatankuasa Perhubungan, Bahagian atau Chawangan dengan apa sebab sekali pun. Keberhentian Pemegang amanah itu hendaklah di-maalomkan kepada Perhimpunan Agong atau Meshuarat Jawatankuasa Perhubungan atau Meshuarat Perwakilan Bahagian, atau Meshuarat Agong Chawangan di-dalam masa meshuarat-nya yang di-adakan kemudian daripada keberhentian-nya itu.

4. Bahagian adalah berhak di-atas semua Tanah, Bangunan dan lain2 harta benda sa-sabuah Chawangan yang telah di-bubarkan.

5. Jawatankuasa Perhubungan berhak di-atas semua Tanah, Bangunan dan lain2 harta benda sa-sabuah Bahagian yang telah di-bubarkan.

6. Majlis Kerja Tertinggi berhak dan berkuasa atau semua harta benda Jawatankuasa Perhubungan yang telah di-bubarkan.

7. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peratoran yang berkenaan dengan harta benda itu.

FASAL (36)—PEMEREKSA KIRA2

1. Perhimpunan Agong Tahunan hendaklah melantek sa-buah Sharikat Juru-Kira (Accountant) yang di-akui oleh Kerajaan.

2. Jawatankuasa Perhubungan dan Meshuarat Perwakilan Tahunan Bahagian masing2 hendaklah melantek dua orang menjadi Pemereksa Kira2 bagi memereksa kira2 Jawatankuasa Perhubungan atau Bahagian, dan Ikatan Kira2 serta Penyata-nya hendaklah di-bentangkan didalam Meshuarat Jawatankuasa Perhubungan atau Meshuarat Perwakilan Tahunan Bahagian.

3. Meshuarat Agong Chawangan hendaklah melantek dua orang pemereksa kira2 Chawangan dan Ikatan Kira2 serta penyata-nya hendaklah di-bentangkan kedalam Meshuarat Agong Tahunan Chawangan.

4. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa pada bila2 masa menjalankan pemereksaan atas kira2 Jawatankuasa Perhubungan, Bahagian dan Chawangan.

5. Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peratoran yang berkenaan dengan kira2 itu.

BAB YANG KE—LIMA BELAS
ATORAN PERATORAN
MESHUARAT DAN UNDANG2
TUBOH

FASAL (37)—ATORAN PERATORAN

MESHUARAT

1. Atoran Peratoran Meshuarat Perhimpunan Agong adalah di-sifatkan sebahagian daripada Undang2 Tuboh ini dan mempunyai kuat kuasa sedemikian itu.
2. Atoran peratoran Meshuarat yang baharu bolehlah di-perbuat bila2 di-kahendakki, atau pun Atoran Peratoran Meshuarat yang ada sekarang bolehlah di-pinda atau di-mansokhkan, dengan satu ketetapan menurut chara2 meminda Undang2 Tuboh UMNO.
3. Atoran Peratoran Persidangan Perhimpunan Agong hendaklah di-pakai untok Meshuarat Perwakilan Bahagian dan Meshuarat Agong Chawangan.

FASAL (38)—MEMINDA UNDANG2 TUBOH

1. Undang2 Tuboh ini atau sebarang Bahagian daripadanya boleh di-pinda atau pun di-mansokhkan dengan ketetapan yang di-per-setujukan oleh tidak kurang daripada 2/3 ahli2 yang hadzir dalam Perhimpunan Agong.
2. Sa-satu ketetapan hendak meminda atau memasokhkan Undang2 Tuboh ini hendaklah di-hantarkan kepada Setia Usaha Agong

mengikut syarat2 di-dalam Atoran Peratoran Meshuarat.

FASAL (39)—KUASA SEMENTARA

MENGELOLAKAN UMNO

1. Undang2 Tuboh ini berjalan kuatkuasa-nya daripada tarikh Kerajaan meluluskan-nya. Akan tetapi sebarang perbuatan atau pekerjaan yang telah di-perbuat oleh UMNO terlebih dahulu daripada Undang2 Tuboh ini di-luluskan adalah sah, sekali pun perbuatan dan pekerjaan itu tidak sesuai atau tidak mengikut kahendak Undang2 Tuboh ini.

2. Maka dengan lulus-nya Undang2 Tuboh ini, mansokhlah Undang2 Tuboh yang di-luluskan oleh Perhimpunan Agong dalam Persidangan-nya pada 25 dan 26 December, 1955, dan segala pindaan2 atas-nya.

FASAL (40)

1. Dengan tidak tertaalok pada sebarang fasal dalam Undang2 Tuboh ini, maka Majlis Kerja Tertinggi berkuasa mendapatkan sesuatu keputusan dengan chara Referandum.

FASAL (41)

1. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di-atas tafsiran Undang2 Tuboh ini atau Atoran Peratoran Meshuarat yang di-buat di-bawa kuatkuasa-nya, maka tafsiran yang di-berikan oleh Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad.

INDEX

CHAPTER ONE

Name

| | <i>Page</i> |
|-----------------------|-------------|
| Article 1—Name | 1 |

CHAPTER TWO

Motto and Slogan

| | |
|-------------------------|---|
| Article 2—Motto | 1 |
| Article 3—Slogan | 1 |

CHAPTER THREE

Aims and Objects

| | |
|------------------------------------|---|
| Article 4—The Aims and Objects ... | 1 |
|------------------------------------|---|

CHAPTER FOUR

Membership

| | |
|---|---|
| Article 5—Categories of Membership | 2 |
| Article 6—Qualifications for Membership | 3 |
| Article 7—Application for Membership | 4 |
| Article 8—Admission of Members ... | 5 |
| Article 9—Rights of Members ... | 6 |
| Article 10—Resignation of Members ... | 7 |

CHAPTER FIVE

Organisation and Administration

| | |
|--|----|
| Article 11—UMNO Officials | 7 |
| Article 12—The Secretariat General ... | 8 |
| Article 13—The Supreme Executive Council | 9 |
| Article 14—The General Assembly ... | 13 |

CHAPTER SIX

Composition and Function of State Liaison Committee

| | |
|--|----|
